

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan meningkatkan jumlah bilangan kerusi Parlimen dari Sabah dan Sarawak kepada 1/3 kerusi daripada 222 kerusi Parlimen ketika ini.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perubahan kepada jumlah bilangan kerusi Parlimen bagi Negeri Sarawak dan Negeri Sabah sekiranya perlu hanya akan ditentukan semasa urusan kajian semula persempadanan berdasarkan Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Bagi maksud tersebut, tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023 manakala bagi Negeri Sabah pada tahun 2025.

2. Justeru, apa jua tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan, khususnya melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan perlulah melalui kajian yang mendalam. Pandangan serta maklumbalas daripada semua pihak juga mestilah diperhalusi khususnya permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menyemak semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi menggambarkan keadaan kemiskinan sebenar pasca pandemik COVID - 19.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan akan mengemas kini klasifikasi pendapatan dan PGK pada tahun 2022 serentak dengan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2022. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, HIES & BA dijalankan dua kali dalam tempoh setiap lima tahun.

2. PGK adalah merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan bagi membolehkan setiap ahli isi rumah menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. PGK yang terkini dikemas kini iaitu pada tahun 2019 menggunakan metodologi PGK 2019 dengan mengambilkira konsep kos keperluan asas dalam pemilihan barangan makanan dan bukan makanan.

3. Pengukuran PGK makanan adalah berdasarkan konsep optimum minimum manakala PGK bukan makanan berdasarkan 146 barangan dan perkhidmatan asas. PGK mengambilkira peningkatan kualiti hidup dan corak perbelanjaan oleh kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus terendah (B20). PGK 2019 juga menunjukkan perubahan harga semasa bagi barangan dan perkhidmatan.

4. Untuk melengkapi PGK, Kerajaan telahpun menggunakan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) bagi mengukur kemiskinan dari pelbagai dimensi. Pada masa ini, MPI merangkumi 4 dimensi iaitu kewangan, pendidikan, kesihatan dan taraf hidup yang merangkumi 11 indikator. Dimensi dan indikator ini akan diperluas agar lebih komprehensif untuk mengukur kemiskinan pelbagai dimensi dengan lebih baik termasuk untuk mengambil kira ketersediaan jalur lebar dan peranti digital. Kaedah mengukur kemiskinan akan terus ditambah baik dalam memastikan keberkesanan inisiatif pembasmian kemiskinan dalam RMKe-12 selaras dengan konsepnya Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan.

Sekian, terima kasih.